

3,500 pesara perubatan dikerah - KP Kesihatan
Astro Awani
26 Mac 2020
Fauzi Suhaimi,

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan memanggil sebanyak 3,500 pakar perubatan dan jururawat untuk membantu pasukan barisan hadapan untuk merawat jangkitan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua mereka kini dalam proses menjalani latihan lanjutan (post basic) sebelum ditempatkan di fasiliti hospital yang memerlukan.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 2,400 telahpun dikerahkan di beberapa buah hospital di negara ini.

"Sebanyak 3,500 jururawat dan pembantu perubatan yang sedang menjalankan kursus latihan lanjutan sebelum dikerahkan bagi membantu barisan hadapan KKM.

"Mereka yang telah dikerahkan merupakan jururawat terlatih yang telah menjalani latihan tersebut," katanya dalam sidang media, di sini pada Khamis.

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/3-500-pesara-perubatan-dikerah-kp-kesihatan-235412>